

24/08/2001

KGMMB anjur Kongres Pendidikan Melayu

Seri Intan Othman

KESATUAN Guru-Guru Melayu Malaysia Barat (KGMMB) akan menganjurkan Kongres Pendidikan Melayu yang pertama, di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), pada 1 dan 2 September ini.

Kongres yang dianjurkan bersama Kumpulan Melayu Prihatin itu akan dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Presiden KGMMB, Prof Madya Dr Abdul Rahman Daud, berkata dalam kongres berkenaan enam kertas kerja akan dibentangkan, di samping 12 bengkel bagi membincangkan prestasi dan program pendidikan khusus bagi masyarakat Melayu.

Katanya, pendemokrasian pendidikan, era globalisasi dan ledakan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) telah menyebabkan perubahan pesat bidang pendidikan.

Sehubungan itu, katanya masyarakat Melayu turut terdedah kepada pelbagai cabaran termasuk sektor pendidikan yang amat kritikal cabarannya hingga menyebabkan pelbagai pihak mendesak supaya ia diberi perhatian serius.

Ini termasuk ibu bapa, guru, pelajar, pakar pendidikan, pemikir sosial mahupun di kalangan ahli politik.

"Pencapaian pelajar Melayu pada amnya belum cukup memuaskan dan hakikat ini lebih membimbangkan sekiranya dibanding dengan kaum lain di negara ini.

"Sekiranya diunjurkan, 10 hingga 15 tahun ke hadapan dapat digambarkan ia akan menimbulkan pelbagai persoalan khususnya di manakah Melayu dalam sektor pekerjaan, ekonomi di tangan siapa, apakah peranan orang Melayu dan bagaimana nasib Melayu serta di manakah tempat mereka pada masa depan," katanya ketika ditemubual di pejabat KGMMB di Jalan Sentul.

Berikutan itu, kongres ini akan membincangkan pelbagai isu pendidikan dan mengenal pasti penyelesaiannya serta apakah yang perlu dibuat bersama sebagai ahli masyarakat dan sebagai orang Melayu.

Penyertaan kongres ini terbuka kepada semua orang Melayu sama ada pelajar, pendidik mahupun golongan profesional lainnya.

Menurutnya, kongres itu diharapkan dapat mengumpul pandangan bagi kepentingan pembangunan pendidikan orang Melayu dalam satu himpunan resolusi untuk mencapai objektif yang ditetapkan.

"Objektif berkenaan antaranya bagi merangka dan menyediakan cadangan mapan dan komprehensif yang menggariskan dengan jelas, teras dasar serta langkah untuk meningkat prestasi anak Melayu dalam pendidikan," katanya.

Antara kertas kerja yang dibentangkan ialah, Dasar dan Pelaksanaan Dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan oleh Presiden Unitar Prof Syed Othman Al Habshi, Pendidikan Agama Ke Arah Pembangunan Insan (Fellow IKIM, Uthman El Muhammadi dan Dr Zainuddin Jaafar yang juga Presiden Kisdar.

Turut dibentangkan, Prestasi Pelajar Melayu oleh Datuk Dr Isahak Haron (UPSI), Memartabatkan Profesion Perguruan (Prof Datuk Ibrahim Bajunid), Pendidikan Tinggi Dalam Melahirkan Sumber Tenaga Manusia (Dr Ismail Mohd Salleh) dan Pendidikan Vokasional dan Teknikal Untuk Melahirkan Tenaga Kerja Mahir dan Spara Mahir (Ketua Pengarah Mara, Datuk Mydin Mohd Sheriff).

Kongres ini, katanya tidak bermotifkan keuntungan tetapi mengutamakan perjuangan menegakkan keutuhan bangsa Melayu seluruhnya.

"Kami berharap 3,000 peserta akan berhimpun bersama membincangkan semua isu yang dibentangkan demi kepentingan pembangunan pendidikan masyarakat Melayu seluruhnya," katanya.

(END)